



## Kesejahteraan kewangan pekerja sektor awam di Malaysia: Kes pekerja keluarga dwi-pendapatan

Zaimah R<sup>1</sup>, Jariah Masud<sup>2</sup>, Sharifah Azizah Haron<sup>3</sup>, Mumtazah Othman<sup>3</sup>,  
Sarmila MS<sup>1</sup>, Abd Hair Awang<sup>1</sup>

<sup>1</sup>Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Malaysia, <sup>2</sup> Institut Gerontologi, Universiti Putra Malaysia, Malaysia, <sup>3</sup> Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia, Malaysia

Correspondence: Zaimah Ramli (email: [zaimahr@ukm.my](mailto:zaimahr@ukm.my); [zaimah72@gmail.com](mailto:zaimah72@gmail.com))

### Abstrak

Artikel ini bertujuan mengenal pasti tahap kesejahteraan kewangan pekerja yang berkahwin dalam sektor awam di Malaysia. Sampel kajian terdiri daripada pekerja dalam sektor awam yang telah berkahwin dengan tumpuan khas kepada pekerja dalam keluarga dwi-pendapatan. Unit analisis adalah individu, sama ada suami atau isteri. Sejumlah 415 responden dilibatkan dalam kajian ini. Kesejahteraan kewangan diukur menggunakan skala *Malaysian Financial Well-Being Scale* (MFWBS). Tahap kesejahteraan kewangan dikategorikan kepada tiga tahap, iaitu tahap rendah, tahap sederhana dan tahap tinggi. Hasil kajian menunjukkan 40 peratus responden adalah dalam kategori kesejahteraan kewangan tinggi, 49 peratus dalam kategori kesejahteraan kewangan sederhana dan 11 peratus dalam kategori kesejahteraan kewangan rendah. Secara keseluruhannya, kajian merumuskan bahawa tahap kesejahteraan kewangan pekerja berkahwin dalam keluarga dwi-pendapatan adalah pada tahap sederhana.

**Katakunci:** keluarga dwi-pendapatan, kesejahteraan kewangan, pekerja telah berkahwin, pendapatan bulanan, sektor awam, tingkah laku kewangan

## Financial wellbeing of government sector workers in Malaysia: The case of dual-income families

### Abstract

Material wellbeing has often been the political battle cry of governments seeking after legitimate power to rule and continue to rule the nation. In Malaysia this has proceeded from poverty eradication since some fifty years ago to achieving a developed country status in 2020. In the course of its six decades of post-independence economic development Malaysian public sector employees have been rather envied not only because of the relatively secure nature and high social status of their occupations but also because of other health, travel and remuneration perks that come with being employed by the government. To gain insight into how well government employees have fared in this country, this study examined the level of financial well-being of married workers in the public sectors. The sample comprised married and dual-income employees in the public sector. The unit of analysis was the individual, either the husband or the wife. A total of 415 respondents participated in this survey. The *Malaysian Financial Well-Being Scale* (MFWBS) measured the financial well-being of the respondents with the financial well-being categorized into low, moderate and higher levels. Research results showed that 40 per cent of the respondents were in the high category of financial well-being, 49 per cent in the moderate category and 11 per cent in the low category. Overall, it may be concluded that financial well-being of married, dual-income workers in the public sectors were at the moderate level.

**Keywords:** dual-income families, financial behaviour, financial well-being, married workers, monthly income, public sector

## Pengenalan

Peningkatan bilangan keluarga dwi-pendapatan di Malaysia (Malaysia, 2006) membuatkan kajian ke atas kesejahteraan kewangan pekerja dalam keluarga dwi-pendapatan signifikan untuk dilaksanakan. Ianya adalah satu usaha penting bagi mengisi kelompangan pengetahuan dalam bidang ekonomi keluarga berkaitan kesejahteraan kewangan pekerja dalam keluarga dwi-pendapatan di Malaysia. Malahan ianya selaras dengan misi nasional kerajaan untuk meningkatkan kualiti hidup penduduk dan mencapai status negara berpendapatan tinggi menjelang 2020 (Malaysia, 2010).

Kewujudan keluarga dwi-pendapatan seharusnya dapat meningkatkan tahap ekonomi keluarga dan tahap kesejahteraan kewangan dalam kalangan pekerja itu sendiri, baik di pihak suami mahupun di pihak isteri. Walau bagaimanapun, peningkatan kos hidup, perubahan gaya hidup dan corak penggunaan dalam kalangan penduduk Malaysia (Malaysia 2006), khususnya dalam kalangan pekerja sektor awam memerlukan satu penelitian bagi mengenal pasti tahap kesejahteraan kewangan mereka. Hal ini kerana kesejahteraan kewangan seseorang pekerja mempunyai hubungan dengan produktiviti kerja (Joo & Garman, 1998; Kim & Garman, 2004; Kim et al., 2004) dan sektor awam adalah peneraju serta menyumbang kadar guna tenaga tertinggi di negara. Justeru itu, objektif kertas ini adalah untuk mengenal pasti tahap kesejahteraan kewangan pekerja sektor awam yang berkahwin dalam keluarga dwi-pendapatan.

## Ulasan literatur

Kesejahteraan kewangan merujuk kepada persepsi subjektif dan indikator objektif individu terhadap status kewangan peribadi (Cox et al., 2009). Konsep kesejahteraan kewangan merujuk kepada kepuasan kewangan individu terhadap situasi kewangannya (Porter & Garman, 1993; Joo & Garman, 1998; Kim et al., 2003; Goldsmith, 2005). Misalnya Porter dan Garman (1993), mendefinisikan kesejahteraan kewangan sebagai suatu ukuran situasi kewangan individu berasaskan objektif dan persepsi ke atas kedudukan kewangan. Manakala Goldsmith (2005) merujuk kesejahteraan kewangan kepada kecukupan dan keteguhan ekonomi individu atau keluarga yang merangkumi usaha melindungi diri daripada risiko ekonomi seperti kehilangan pekerjaan, kesakitan dan kemiskinan.

Kajian lepas menunjukkan kesejahteraan kewangan banyak dipengaruhi oleh kriteria demografi dan tingkah laku kewangan peribadi (Davis & Gilberth, 1995; O'Neill et al., 2005; Cox et al., 2009; Zaimah, 2011). Individu yang mempunyai kesejahteraan kewangan yang rendah biasanya berusia muda, mempunyai masalah kesihatan, tidak mempunyai rumah sendiri dan berpendapatan rendah (O'Neill et al., 2005). Malahan mereka juga sering berhadapan dengan tekanan kewangan dan kesukaran membayar bil-bil utiliti. Sebaliknya, individu yang mempunyai kesejahteraan kewangan yang baik pula adalah individu yang berusia, mempunyai rumah sendiri, berkahwin dan tidak mempunyai masalah kesihatan, serta mempunyai pendapatan yang tinggi. Maka, kesejahteraan kewangan seseorang individu perlu diukur secara objektif dan subjektif (Baek & DeVenay, 2004; Zaimah et al., 2013), kerana setiap individu yang berada dalam satu situasi kewangan yang sama, tidak semestinya mempunyai persepsi yang sama ke atas tahap kesejahteraan kewangan mereka (Baek & DeVenay, 2004; Kim et al., 2003).

Selain itu, kesejahteraan kewangan juga dipengaruhi oleh faktor lain, seperti pengetahuan kewangan, tingkah laku kewangan, pembuatan keputusan kewangan dan faktor-faktor sosioekonomi. Mereka yang mempunyai tahap pengetahuan kewangan yang tinggi lazimnya akan mempunyai tahap kesejahteraan kewangan yang juga tinggi (Parrotta & Johnson, 1998; Hogarth & Hilgerth, 2002; Joo & Grable, 2004; Baek & DeVaney, 2004). Begitu juga dengan mereka yang mengamalkan tingkah laku kewangan yang baik, turut mempunyai tahap kesejahteraan kewangan yang baik (Parrotta & Johnson, 1998; Hogarth et al., 2002; Joo & Grable, 2004; Baek & DeVaney, 2004). Malahan faktor-faktor sosioekonomi seperti jantina, umur, saiz isi rumah, status perkahwinan, bilangan anak, tahap pendidikan, jenis pekerjaan, pendapatan dan keluarga dwi-pendapatan (Moon et al., 2002; Cox et al., 2009; Shim et al., 2009; Rutherford & Fox, 2010; Zaimah, 2011) juga didapati mempengaruhi tahap kesejahteraan kewangan seseorang individu.

## Metod kajian

Data kajian ini diperolehi menggunakan kaedah kaji selidik. Sampel kajian adalah pekerja sektor awam yang telah berkahwin dalam keluarga dwi-pendapatan. Keluarga dwi-pendapatan bermaksud kedua-dua suami dan isteri berkerja dan mempunyai pendapatan (Winkler, 1998; Goldsmith, 2005; Blau, Ferber & Winkler, 2006). Sehingga 30 Disember 2006 terdapat kira-kira 1.3 juta pekerja sektor awam di Malaysia (Jabatan Perkhidmatan Awam, 2008). Hanya kumpulan perjawatan Pengurusan dan Profesional (Gred 41-54), Sokongan I (Gred 17-40) dan Sokongan II (Gred 1-40) terlibat dalam kajian ini. Unit analisis adalah individu, sama ada suami atau isteri.

Teknik persampelan pelbagai tahap diaplikasikan dalam kajian ini. Teknik ini sangat sesuai bagi kajian yang tidak mempunyai senarai lengkap elemen populasi (Babbie, 2008; Babbie, 2001; Groves et al., 2004). Hal ini kerana ketiadaan senarai lengkap pekerja sektor awam yang berkahwin dalam kalangan keluarga dwi-pendapatan. Pada tahap pertama, agensi perkhidmatan awam persekutuan dipilih sebagai populasi sasaran. Pada tahap kedua, enam kementerian dalam perkhidmatan awam dipilih secara rawak mudah. Pada tahap ketiga, senarai pekerja berkahwin didapatkan daripada bahagian sumber manusia setiap kementerian terpilih. Setelah itu, satu saringan dilakukan bagi mendapatkan kerangka persampelan pekerja berkahwin yang mempunyai pasangan bekerja.

Pengumpulan data dilakukan dengan menggunakan borang kaji selidik yang diedarkan dan dijawab sendiri oleh responden. Kaedah jawab-sendiri amat sesuai dilaksanakan apabila terdapat maklumat sensitif ditanyakan (Babbie, 2008; Neuman, 2006; Grove et al., 2004), iaitu maklumat kewangan peribadi. Sebanyak 1298 borang soal selidik telah diedarkan dan 463 borang soal selidik berjaya dikumpulkan semula. Setelah melalui proses saringan, sebanyak 415 borang soal selidik dianalisis dalam kajian ini.

Pengukuran kesejahteraan kewangan dilakukan menggunakan *Malaysian Financial Well-Being Scale* (MFWBS) yang dibangunkan oleh Jariah (2007) berdasarkan adaptasi daripada *InCharge Financial Distress/Financial Well-being* (IFDFW) oleh Prawitz et al. (2006). Skala ini mengandungi 12 soalan dengan 10 skala pengukuran, iaitu skala "1" adalah skor paling rendah dan skala "10" adalah skor paling tinggi. Penilaian dibuat berdasarkan purata skor kesejahteraan kewangan. Purata skor diperolehi dengan menjumlahkan skala semua item dan dibahagikan dengan 12. Tahap kesejahteraan kewangan pula dikelaskan kepada tiga tahap, iaitu 1.0-4.0 (rendah), 5.0-6.0 (sederhana) dan 7.0-10.0 (tinggi).

## Hasil kajian dan perbincangan

### Latar belakang responden

Jadual 1 menunjukkan latar belakang responden. Responden yang berjumlah 415 orang adalah terdiri daripada 47 peratus lelaki dan 53 peratus wanita dengan purata umur responden 38 tahun. Secara khusus, hampir separuh daripada responden adalah berumur kurang daripada 40 tahun, iaitu dalam kategori belia. Walaupun purata tempoh perkahwinan responden mencapai 11 tahun, lebih separuh responden (55.4%) mencatatkan tempoh perkahwinan kurang daripada 10 tahun.

**Jadual 1. Latar belakang responden**

Profil responden	Kekerapan (%)	Purata (Sisihan piawai)
Gender:		
<i>Lelaki</i>	195 (47.0)	-
<i>Wanita</i>	220 (53.0)	-
Umur	-	38 (9.45)
Tempoh perkahwinan	-	11 (9.18)
Bilangan anak	-	2 (1.77)
Bilangan isi rumah	-	4 (1.91)
Tempoh kerja	-	13 (10.20)

Profil responden	Kekerapan (%)	Purata (Sisihan piawai)
Tahap pendidikan:		
<i>Lepasan universiti</i>	166 (40.2)	-
<i>Bukan lepasan universiti</i>	249 (59.8)	-
Kumpulan perjawatan:		
<i>Pengurusan dan Profesional</i>	159(38.3)	-
<i>Sokongan</i>	256 (61.7)	-
Pendapatan bulanan (RM)	-	3579 (2421.39)
Perbelanjaan bulanan (RM)	-	2372 (1575.37)
Pemilikan rumah	228 (54.9)	-
Sumbangan pendapatan keluarga:		
<i>Suami &gt; Isteri</i>	266 (64.1)	-
<i>Suami = Isteri</i>	46 (11.1)	-
<i>Suami &lt; Isteri</i>	103 (24.8)	-

Purata bilangan anak dan isi rumah responden pula ialah dua dan empat orang. Sementara itu, julat tempoh kerja responden adalah satu hingga 37 tahun dan mencatatkan peratus paling tinggi (51.6%) pada tempoh kurang sepuluh tahun. Dapatan ini konsisten dengan usia responden yang kebanyakannya terdiri daripada golongan belia.

Sebahagian besar responden mempunyai tahap pendidikan bukan lepasan universiti (59.8%) dan hanya 40.2 peratus berpendidikan lepasan universiti. Peratus responden lelaki (51.8%) mempunyai pendidikan lepasan universiti adalah lebih tinggi berbanding responden wanita (30.0%). Daripada segi kumpulan perjawatan pula, responden terdiri daripada kumpulan pengurusan dan profesional (Gred 41-54) dan kumpulan sokongan (Gred 1-40) dengan masing-masing mencatatkan peratusan 38.3 peratus dan 61.7 peratus. Peratus responden lelaki dalam kumpulan perjawatan pengurusan dan profesional adalah lebih tinggi (47.7%) berbanding responden wanita (30.0%). Dapatan ini hampir selari dengan perbandingan tahap pendidikan di antara responden lelaki dan wanita.

Purata pendapatan bulanan responden ialah RM3,579.00. Ianya berada dalam lingkungan 40 peratus pendapatan kelas pertengahan negara, iaitu antara RM2,300.00 hingga RM5,599.00 (Malaysia, 2010). Secara khusus, lebih daripada 40 peratus responden mempunyai pendapatan kurang atau sama dengan RM3,000.00 dan hanya 23 peratus responden mempunyai pendapatan melebihi RM5,000.00. Sementara itu, pendapatan bulanan responden lelaki didapati lebih tinggi daripada pendapatan bulanan responden wanita ( $t=6.658$ ,  $df=413$ ,  $p\leq 0.05$ ) dengan masing-masing mencatatkan purata pendapatan bulanan RM4,400 dan RM2,851. Hal ini juga konsisten dengan tahap pendidikan dan perjawatan responden lelaki yang lebih tinggi daripada responden wanita.

Purata perbelanjaan bulanan responden pula ialah RM2,372.00. Perbelanjaan bulanan responden lelaki adalah lebih tinggi daripada perbelanjaan bulanan responden wanita ( $t=9.349$ ,  $df=413$ ,  $p\leq 0.05$ ) dengan masing-masing mencatatkan RM3,070.00 dan RM1,753.00. Dapatan ini menunjukkan suami masih mempunyai tanggungan kewangan yang lebih besar dalam keluarga dwi-pendapatan. Kemungkinan faktor pendapatan lebih tinggi dalam kalangan suami dan faktor sosiobudaya (agama) juga mendorong kepada dapatan tersebut.

Daripada keseluruhan responden, hampir 55 peratus memiliki rumah sendiri. Bayaran ansuran bulanan rumah responden adalah di antara RM140.00 hingga RM3,000.00 dengan purata bayaran ansuran bulanan ialah RM726.50. Secara bandingan, peratus responden lelaki memiliki rumah sendiri adalah lebih tinggi (69.2%) daripada responden wanita (42.3%). Pemilikan rumah sendiri dalam kalangan responden masih dalam kategori sederhana, walaupun pekerja sektor awam diperuntukkan kemudahan pinjaman perumahan. Berkemungkinan juga faktor disediakan tempat tinggal menyumbang kepada keadaan ini. Misalnya Nurizan et al. (2004) mendapati 15.1 peratus penjawat awam tinggal di rumah yang disediakan oleh pihak kerajaan.

Selain itu, Jadual 1 turut menunjukkan suami menyumbang lebih banyak pendapatan dalam keluarga berbanding isteri dengan catatan 64.1 peratus. Sumbangan pendapatan yang sama di antara suami dan isteri dalam keluarga hanya mencatatkan peratusan yang kecil, iaitu 11 peratus. Manakala sumbangan pendapatan isteri lebih besar daripada suami dalam keluarga pula mencatatkan 24.8 peratus. Jika dibandingkan di antara responden lelaki dan responden wanita, ketiga-tiga kategori sumbangan pendapatan keluarga berkenaan tetap menunjukkan pola yang sama, iaitu suami

menyumbang lebih banyak pendapatan dalam keluarga berbanding isteri walaupun kedua-duanya bekerja.

#### *Taburan kesejahteraan kewangan responden*

Jadual 2 menunjukkan taburan responden mengikut pengukuran *Malaysian Financial Well-Being Scale* (MFWBS). Secara keseluruhannya, 11 pernyataan mencatatkan peratus tertinggi pada skala-7, iaitu dalam keadaan baik. Bagi pernyataan “sejauh mana kepuasan anda terhadap situasi kewangan semasa anda” menunjukkan hampir 40 peratus daripada responden mempunyai kepuasan terhadap situasi kewangan semasa mereka pada skala-7 (baik). Sebaliknya, bagi pernyataan “sejauh mana kebimbangan anda terhadap kewangan peribadi anda pada hari ini” menunjukkan lebih daripada 30 peratus responden bimbang terhadap kewangan peribadi mereka pada hari kajian dilaksanakan pada skala-4 (lemah). Kontradiksi dapatan ini memberikan gambaran bahawa rata-rata responden berpuas hati dengan situasi semasa kewangan mereka, tetapi dalam masa yang sama bimbang dengan kewangan peribadi mereka. Kebimbangan ini berkemungkinan disebabkan oleh pengurusan kewangan peribadi yang agak lemah dalam kalangan mereka.

Seterusnya, bagi pernyataan “sejauh mana baik keadaan kewangan anda” menunjukkan hampir 40 peratus responden mempunyai keadaan kewangan yang baik. Sementara bagi pernyataan “skala mana paling tepat menerangkan situasi semasa kewangan anda” menunjukkan hampir 38 peratus responden mempunyai sumber kewangan yang agak mencukupi. Manakala bagi pernyataan “sejauh mana perasaan anda terhadap situasi kewangan semasa anda” menunjukkan hanya 32 peratus responden merasa selesa dengan situasi kewangan mereka. Jika dirujuk kepada pernyataan “sejauh mana keyakinan anda bahawa anda akan mempunyai wang yang mencukupi untuk penyelesaian hari tua”, dapatan menunjukkan hampir 39 peratus responden bersetuju bahawa mereka mempunyai keyakinan yang baik terhadap perkara tersebut. Meskipun responden adalah pekerja dalam sektor awam, tetapi hanya lima peratus daripada mereka sahaja yang sangat yakin dengan perkara tersebut.

Masalah ketakcukupan wang (pendapatan) juga wujud dalam kalangan responden. Merujuk pernyataan “sejauh mana kekerapan anda menghadapi ketakcukupan wang sebelum hari pembayaran gaji berikutnya” menunjukkan 39 peratus responden kadangkala menghadapi ketakcukupan wang sementara menunggu hari gaji untuk bulan berikutnya. Hanya sebilangan kecil (8.2%) responden tidak menghadapi keadaan sedemikian. Dapatan ini antaranya memberikan dua petunjuk utama, iaitu gaji tidak mencukupi akibat kenaikan kos hidup ataupun amalan berbelanja tidak berhemah, iaitu melebihi pendapatan. Seterusnya pernyataan “sejauh mana kekerapan anda berhadapan dengan masalah membayar bil-bil bulanan” menunjukkan peratus tertinggi (20.5%) untuk responden yang tidak pernah berhadapan dengan masalah berkenaan. Namun begitu, seramai 34 peratus responden kadangkala masih berhadapan dengan masalah pembayaran bil-bil utiliti mereka. Situasi ini juga berkemungkinan mempunyai hubungan dengan tingkah laku kewangan yang lemah dalam kalangan responden.

Malahan, jika dirujuk kepada pernyataan “sejauh mana keyakinan anda bahawa anda berupaya mengawal kewangan anda” dan “sejauh mana keyakinan anda bahawa anda tahu bagaimana mengurus kewangan peribadi anda”, didapati tidak sampai sepuluh peratus responden mencatatkan ‘sangat yakin’ dengan keupayaan mengawal kewangan dan tahu mengurus kewangan peribadi mereka. Hal ini sekali lagi memberikan gambaran tentang kelemahan tingkah laku kewangan dalam kalangan responden. Selain itu, mereka juga kurang pengetahuan tentang pengurusan kewangan peribadi.


Dalam masa yang sama, rata-rata responden menghadapi kesukaran untuk menyediakan wang sebanyak RM1,000 dalam keadaan kecemasan. Hanya sebahagian kecil (15.2%) responden sahaja yang tidak menghadapi masalah berkaitan. Dapatan ini memberikan petunjuk bahawa ramai responden tidak mempunyai wang simpanan yang mencukupi untuk menghadapi saat-saat kecemasan. Hal ini jelas apabila dapatan turut mencatatkan terdapat 16 peratus responden yang tidak mempunyai mana-mana akaun simpanan. Perkara ini adalah sesuatu yang serius.

Merujuk kepada pernyataan terakhir, iaitu “secara keseluruhannya, sejauh mana kebimbangan anda terhadap kewangan peribadi”, dapatan menunjukkan rata-rata responden mempunyai rasa bimbang terhadap kewangan peribadi mereka walaupun pada skala yang berbeza-beza. Menariknya, peratus responden yang ‘tidak bimbang langsung’ dan ‘bimbang setiap masa’ adalah sama (4.6%),

iaitu tidak sampai lima peratus responden. Paling ramai mencatatkan rasa kebimbangan pada skala-7 (24.3%), iaitu pada tahap yang 'sederhana'.

*Tahap kesejahteraan kewangan responden*

Rajah 1 menunjukkan taburan skor kesejahteraan kewangan responden dan ianya bertaburan normal. Dapatan kajian menunjukkan 45 responden (10.8%) mencatatkan julat skor di antara 1.0 hingga 4.0. Dapatan ini menunjukkan responden mempunyai tahap kesejahteraan kewangan yang rendah. Sebanyak 204 responden (49.2%) mencatatkan julat skor di antara 5.0 hingga 6.0 dan ianya menunjukkan responden mempunyai tahap kesejahteraan kewangan yang sederhana. Selebihnya, 166 responden (40.0%) mencatatkan julat skor di antara 7.0 hingga 10.0. Dapatan ini pula menunjukkan responden berada pada tahap kesejahteraan kewangan yang tinggi.



**Rajah 1.** Tahap kesejahteraan kewangan

Sementara komposit skor kesejahteraan kewangan ialah 6.57. Komposit skor menunjukkan rata-rata responden berada pada tahap kesejahteraan kewangan yang sederhana. Jika dibandingkan dengan kajian lepas, komposit skor kajian ini lebih tinggi daripada dapatan Prawitz et al. (2006) dan O'Neill et al. (2006) dengan masing-masing mencatatkan 5.7 dan 5.5. Faktor pendapatan bulanan tetap para penjawat awam turut menyumbang kepada perbezaan penemuan tersebut. Secara perbandingan, dapatan ini mencatatkan peratusan skor kesejahteraan kewangan pada tahap tinggi yang hampir sama dengan penemuan Prawitz et al. (2006) yang mencatatkan 42 peratus.

**Jadual 2. Taburan responden mengikut Malaysian Financial Well-Being Scale (MFWBS)**

Penyataan / Skala	Kekerapan (%)									
	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10
1. Sejahter mana kepuasan anda terhadap situasi semasa kewangan anda? <sup>A</sup>	7 (1.7)	3 (0.7)	5 (1.2)	35 (8.4)	46 (11.1)	58 (14.0)	163 (39.3)	58 (14.0)	20 (4.8)	20 (4.8)
2. Sejahter mana kebimbangan anda terhadap kewangan peribadi anda pada hari ini? <sup>B</sup>	29 (7.0)	9 (2.2)	22 (5.3)	130 (31.3)	59 (14.2)	36 (8.7)	69 (16.6)	30 (7.2)	21 (5.1)	10 (2.4)
3. Sejahter mana baik keadaan kewangan anda? <sup>C</sup>	4 (1.0)	3 (0.7)	2 (0.5)	31 (7.5)	46 (11.1)	83 (20.0)	149 (35.9)	51 (12.3)	30 (7.2)	16 (3.9)
4. Skala mana di bawah ini paling tepat menerangkan situasi semasa kewangan anda? <sup>D</sup>	7 (1.7)	1 (0.2)	4 (1.0)	49 (11.8)	42 (10.1)	58 (14.0)	156 (37.6)	54 (13.0)	30 (7.2)	14 (3.4)
5. Sejahter mana perasaan anda terhadap situasi kewangan semasa anda? <sup>E</sup>	9 (2.2)	5 (1.2)	3 (0.7)	48 (11.6)	52 (12.5)	83 (20.0)	134 (32.3)	50 (12.0)	26 (6.3)	5 (1.2)
6. Sejahter mana keyakinan anda bahawa anda akan mempunyai wang yang mencukupi untuk keselesaan hari tua? <sup>F</sup>	5 (1.2)	4 (1.0)	4 (1.0)	35 (8.4)	40 (9.6)	63 (15.2)	160 (38.6)	55 (13.3)	28 (6.7)	21 (5.1)
7. Sejahter mana kekerapan anda menghadapi ketidakcukupan wang sebelum hari pembayaran gaji berikutnya? <sup>G</sup>	7 (1.7)	1 (0.2)	5 (1.2)	36 (8.7)	36 (8.7)	52 (12.5)	162 (39.0)	46 (11.1)	36 (8.7)	34 (8.2)
8. Sejahter mana kekerapan anda berhadapan dengan masalah membayar bil-bil bulanan (elektrik, telefon, ansuran, kredit kad)? <sup>G</sup>	4 (1.0)	0 (0.0)	3 (0.7)	21 (5.1)	21 (5.1)	35 (8.4)	141 (34.0)	59 (14.2)	46 (11.1)	85 (20.5)
9. Sejahter mana keyakinan anda bahawa anda berupaya mengawal kewangan peribadi anda? <sup>F</sup>	3 (0.7)	1 (0.2)	2 (0.5)	18 (4.3)	31 (7.5)	62 (14.9)	169 (40.7)	57 (13.7)	33 (8.0)	39 (9.4)
10. Sejahter mana keyakinan anda bahawa anda tahu bagaimana mengurus kewangan peribadi anda? <sup>F</sup>	1 (0.2)	3 (0.7)	0 (0.0)	20 (4.8)	27 (6.5)	68 (16.4)	159 (38.3)	65 (15.7)	35 (8.4)	37 (8.9)
11. Sejahter mana mudah anda mendapatkan wang berjumlah RMI,000 bagi tujuan kecemasan? <sup>H</sup>	13 (3.1)	4 (1.0)	6 (1.4)	73 (17.6)	42 (10.1)	53 (12.8)	108 (26.0)	31 (7.5)	22 (5.3)	63 (15.2)
12. Secara keseluruhannya, sejauh mana kebimbangan anda terhadap kewangan peribadi? <sup>B</sup>	19 (4.6)	6 (1.4)	14 (3.4)	74 (17.8)	51 (12.3)	69 (16.6)	101 (24.3)	35 (8.4)	27 (6.5)	19 (4.6)

Nota: <sup>A</sup> Sangat tidak puas hati-Sangat puas hati  
<sup>B</sup> Bimbang setiap masa-Tidak bimbang langsung  
<sup>C</sup> Sangat lemah-Sangat baik  
<sup>D</sup> Tidak pernah cukup-Lebih daripada cukup  
<sup>E</sup> Sangat tidak selesa-Sangat selesa  
<sup>F</sup> Sangat yakin-Sangat yakin  
<sup>G</sup> Sangat kerap-Tidak pernah  
<sup>H</sup> Sangat susah-Sangat mudah

## Kesimpulan

Secara keseluruhannya, tahap kesejahteraan kewangan pekerja keluarga dwi-pendapatan dalam sektor awam adalah pada tahap yang sederhana. Tahap kesejahteraan kewangan mereka menunjukkan perbezaan yang signifikan di antara tahap pendidikan, kumpulan perjawatan dan pemilikan rumah, tetapi tidak berbeza daripada segi jantina. Pekerja keluarga dwi-pendapatan dalam sektor awam yang mempunyai pendidikan tinggi, berada dalam kumpulan profesional dan memiliki rumah adalah lebih sejahtera kewangannya berbanding mereka yang mempunyai tahap pendidikan rendah, kumpulan sokongan dan tidak memiliki rumah sendiri. Dapatan ini bermaksud, tahap pendidikan dan pemilikan rumah mempengaruhi tahap kesejahteraan kewangan pekerja sektor awam yang berkahwin (dalam kalangan keluarga dwi-pendapatan). Maka usaha menggalakkan pemilikan rumah dalam kalangan generasi muda hari ini adalah satu usaha yang sangat baik. Tetapi isu kemampuan membayar balik pinjaman dan kenaikan kos hidup menjadi satu dilema kepada pekerja berpendapatan rendah dan sederhana rendah.

## Penghargaan

Makalah ini adalah sebahagian daripada hasil penyelidikan Keteguhan Kewangan Pekerja Keluarga Dwi-Kerjaya 2008 [SK/21/2007]. Penghargaan kepada Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

## Rujukan

- Babbie E (2001) *The practice of social research*. 9<sup>th</sup> edition. Thomson Wadworth, Australia.
- Babbie E (2008) *The basics of social research*. 4<sup>th</sup> edition. Thomson Wadworth, Australia.
- Baek E, DeVaney SA (2004). Assessing the baby boomers' financial wellness using financial ratios and a subjective measure. *Family and Consumer Sciences Research Journal* 32, 421-348.
- Blau FD, Ferber MA, Winkler AE (2006) *The economics of women, men and work*. 5<sup>th</sup> edition. Pearson Prentice Hall, New Jersey.
- Cox A, Hooker H, Markwick C, Reilly P. *Financial well-being in the workplace*. Report 464, Institute for Employment Studies. 2009. [cited 9/6/2010]. Available from: <http://www.Employment-studies.co.uk/pubs/summary.php?id=464>.
- Davis EP, Gilberth JG (1995) Life course variables and financial satisfaction. *Family Economics and Resource Management Biennial*. pp.161.
- Goldsmith EB (2005) *Resource management for individuals and families*. 3<sup>rd</sup> edition. Thompson Wadsworth, United States.
- Groves RM, Fowler FJ, Couper MP et al (2004) *Survey methodology*. Wiley, New Jersey.
- Hogarth JM, Hilgerth MA (2002) Financial knowledge, experience and learning preferences: Preliminary results from a new survey on financial literacy. *Consumer Interest Annual* 48, 1-7.
- Hogarth JM, Hilgert MA, Schuchardt J (2002) Money managers – The good, the bad and the lost. *The Proceedings of the Association for Financial Counseling and Planning Education*, pp.12-23. November.
- Jabatan Perkhidmatan Awam (2008) *Laporan Tahunan 2007*.
- Jariah Masud (2007) Testing of Malaysia's financial well-being scale. Paper presented in the Seventh Biennial Conference 2007 ACFEA, Purajaya, Malaysia. 4-7 July.
- Joo S, Garman ET (1998) Personal financial wellness maybe the missing factor in understanding and reducing worker absenteeism. *Personal Finance and Worker Productivity* 2 (2), 172-182.
- Joo S, Grable JE (2004) An exploratory framework of the determinants of financial satisfaction. *Journal of Family and Economic Issues* 25 (1), 25-50.
- Kim J, Garman ET (2004) Financial stress, pay satisfaction and workplace performance. *Financial Education*. pp.69-76.



- Kim J, Garman ET, Sorhaindo B (2003) Relationships among credit counseling clients' financial well-being, financial behaviors, Financial Stressor Events, and Health. *Financial Counseling and Planning Education* **14** (2), 75-87.
- Kim J, Sorhaindo B, Garman ET (2004) financial stress and work outcomes of credit counseling clients. *Consumer Interest Annual* **50**, 128-130.
- Malaysia (2006) *Rancangan Malaysia Kesembilan 2006-2010*. Jabatan Perdana Menteri Malaysia.
- Malaysia (2010) *Rancangan Malaysia Kesepuluh 2011-2015*. Jabatan Perdana Menteri Malaysia.
- Moon SJ, Yuh Y, Hanna SD (2002) Financial ratio analysis of Korean households. *Family and Consumer Sciences Research Journal* **30** (4), 496-525.
- Neuman WL (2006) *Social research methods: Qualitative and quantitative Approaches*. 6<sup>th</sup> edition. Pearson Education, Inc., Boston.
- O'neill B, Xiao JJ, Sorhaindo B, Garman ET (2005) Financially distressed consumers: their financial practices, financial well-being and health. *Financial Counseling and Planning* **16** (1), 73-87.
- Parrotta JL, Johnson PJ (1998) the impact of financial attitudes and knowledge on financial management and satisfaction of recently married individuals. *Financial Counseling and Planning*. **9** (2), 59-74.
- Porter NM, Garman ET (1993) Testing a conceptual model of financial well-being. *Financial Counseling and Planning* **4**, 135-165.
- Prawitz AD, Garman ET, Sorhaindo B, O'Neill B, Kim J, Drentea P (2006) InCharge financial distress/financial well-being scale: Development, administration and score interpretation. *Financial Counseling and Planning* **17** (1), 34-50.
- Rutherford LG, Fox WS (2010) Financial wellness of young age 18-30. *Family and Consumer Sciences Research Journal* **38** (4), 468-484.
- Shim S, Xiao JJ, Barber BL, Lyons AC (2009) Pathway to life success: a conceptual model of financial well-being for young adults. *Journal of Applied Development Psychology*. (Article in press). [cited 15/5/2009]. Available from: <http://elsevier.com/locate/soceco>.
- Winkler AE (1998) Earnings of husbands and wives in dual-earner families. *Monthly Labor Review*. pp.42-48.
- Zaimah Ramli (2011) Pengaruh pengetahuan, tingkah laku dan pembuatan keputusan kewangan ke atas kesejahteraan kewangan pekerja dalam keluarga dwi-pendapatan (PhD dissertation). Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putera Malaysia.
- Zaimah R, Jariah Masud, Sharifah Azizah Haron, Mumtazah Othman, Abd Hair Awang, Sarmila MS (2013) Financial well-being: Financial ratio analysis of married public sector workers in Malaysia. *Asian Sosial Science* **6** (14), 1-6.